

Segamat banjir lagi

Johor Bahru: Segamat sekali lagi dilanda banjir apabila sebuah pusat pemindahan sementara di Balai Raya Gemereh 4 Batu Badak, Segamat, dekat sini, dibuka pada jam 6 petang semalam, menempatkan 17 mangsa daripada lima keluarga.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata pusat pemindahan di Segamat yang sebelum ini ditutup sepenuhnya, dibuka semula apabila air melimpah ke kawasan penempatan.

“Pusat pemindahan baharu dibuka berikutan banjir melanda Kampung Seberang Batu Badak. Setakat ini, seramai tujuh lelaki dan lapan wanita serta dua kanak-kanak dipindahkan ke situ.

“Berlaku limpahan air di Sungai Muar Segamat. Bagaimanapun, pemantauan berterusan akan dijalankan oleh agensi berkaitan dari semasa ke semasa,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

[FOTO IHSAN APM]



Air Sungai Muar membanjiri kawasan Kampung Batu Badak, Segamat.